



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, MALAYSIA

JPS UPDATES

EDISI SEPTEMBER 2020

Selamat Menyambut

**HARI
MALAYSIA
KE 57**



PROJEK RIVER TRAIL BERKONSEPKAN FLOOR DECKING

[WWW.WATER.GOV.MY](http://www.water.gov.my)

Isi kandungan

Menarik di dalam

DARI TINTA
KETUA EDITOR

3

MAJLIS
PENYERAHAN PROJEK
PEMBANGUNAN
SANTUARI GAJAH
JOHOR (JES), KOTA
TINGGI, JOHOR

6

MAJLIS CABUTAN UNDI
BAGI KERJA-KERJA
PEMULIHARAAN
SUNGAI DI BAWAH
PERUNTUKAN KASA

10

TAKLIMAT KEPADA
MEDIA MENGENAI
KARIB DAN PRAB

14

KURSUS KESEDARAN
DAN KURSUS
JURUAUDIT DALAM
SISTEM PENGURUSAN
ALAM SEKITAR EMS
ISO 14001:2015

18

4

8

12

16

20

LAWATAN KE
PROJEK RIVER
TRAIL DI SUNGAI
PENGKALAN DATU,
KELANTAN

PERTANDINGAN
HB KIK PERINGKAT
JPS

PROGRAM
TEMUBUAL
SEMPENA BULAN
SAMBUTAN HARI
SUNGAI SEDUNIA

PEMBENTANGAN
LAPORAN PENILAIAN
OUTCOME PROGRAM/
PROJEK PEM-
BANGUNAN JKPO
JPS 2020

PENGAKTIFAN
MODE 4 PUSAT
KAWALAN SMART

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

DATO' Ir. HJ. NOR HISHAM BIN MOHD GHAZALI

PENYELARAS

Ir. HJ. AZMI BIN IBRAHIM

KETUA EDITOR

WAN MARHAFIDZ SHAH BIN WAN MOHD. OMAR

EDITOR

NORAZIZAH BINTI ABDUL KADIR

PENOLONG EDITOR

KHADIJAH BT NAWAWI

MUHAMAD BAZLI BIN YAHAYA

MOHD FIRDAUS BIN MOKHTAR

SHAHARULINA BINTI ISMAIL

Dari Tinta

KETUA EDITOR



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Alhamsudillah, syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat menyambut ulang tahun penubuhan Malaysia yang ke 57 pada 16 Sepember 2020. Sambutan ini sentiasa memperingatkan kita sebagai warga sebuah Negara yang merdeka, berdaulat, demokratik aman dan makmur. Hari Malaysia pada tahun ini masih mengekalkan tema "Malaysia Prihatin" selari dengan Hari Kebangsaan yang disambut pada 31 Ogos 2020.

Walaupun pergerakan terbatas kerana mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kerajaan, namun semangat cintakan tanah air masih terselar dalam norma baharu. Tanpa sambutan rasmi yang dibuat oleh Jabatan seperti tahun-tahun sebelumnya, warga JPS telah mengambil inisiatif sendiri untuk terus membuat sambutan secara bersederhana dengan menggantung Jalur Gemilang di pejabat masing-masing mahupun di kediaman dan kenderaan masing-masing.

Sekalipun Negara kita masih terdedah dengan ancaman pandemik Covid-19, Jabatan terus unggul melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi meneruskan kelangsungan Visi dan Misi Jabatan antaranya adalah lawatan ke tapak projek *river trail* di Sungai Pengkalan Datu, Kelantan berkonsepkan *floor decking* sepanjang 750 meter. Projek ini yang dijangka akan menjadi tempat kemudahan rekreasi dan tarikan pelancong dalam dan luar negeri, seterusnya menjana ekonomi penduduk tempatan.

Jabatan juga telah menganjurkan pertandingan Horizon Baru Kumpulan Dan Kreatif JPS 2020 bagi menghasilkan produk baru yang berinovatif dan kreatif. Pertandingan ini juga memberi peluang dan ruang kepada warga JPS untuk menyumbang idea serta mengetengahkan produk inovasi ciptaan sendiri. Seterusnya produk-produk inovasi ciptaan warga JPS yang bermanfaat kepada Jabatan/Perkhidmatan Awam dan produk-produk yang berpotensi akan diiktiraf dan dikomersialkan.

Akhir kata marilah kita berdoa agar dikekalkan momentum warga JPS untuk terus menabur bakti kepada Negara walaupun Negara masih dibelenggu pandemik Covid-19. Semoga semangat pembinaan Malaysia yang disambut pada tahun ini menjadikan warga JPS yang mempunyai jati diri, bertanggungjawab, bertoleransi dan saling sayang menyayangi demi mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan Negara kita.

Sekian.



Wan Marhafidz Shah Bin Wan Mohd. Omar
Pengarah Bahagian Korporat



LAWATAN KE PROJEK PEMBINAAN RIVER TRAIL DI SUNGAI PENGKALAN DATU, KELANTAN

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Pada 29 September 2020, Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah mengadakan lawatan ke tapak projek *river trail* berkonsepkan floor decking sepanjang 750 meter di Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Projek ini dijangka siap menjelang pertengahan Oktober 2020.

Fasa seterusnya projek ini berpotensi untuk menghubungkan rangkaian lokasi menarik yang lain di sepanjang tebing Sungai Pengkalan Datu, Kelantan seperti restoran terapung, masjid terapung dan jeti nelayan. Selain pengekalan semulajadi alam sekitar, projek ini dijangka akan menjadi tempat kemudahan rekreasi dan tarikan pelancong dalam dan luar negeri, seterusnya menjana ekonomi penduduk tempatan.







MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBANGUNAN SANTUARI GAJAH JOHOR (JES), KOTA TINGGI, JOHOR UNTUK JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA

OLEH : BAHAGIAN BANGUNAN & INFRASTRUKTUR

Majlis penyerahan projek Pusat Santuari Gajah Johor (JES), Kota Tinggi, Johor telah diadakan pada 13 September 2020. Kehadiran para tetamu undangan dianggarkan sekitar 60 orang selaras dengan keperluan norma baru. Para peserta diberikan tempat duduk yang telah disusun dengan jarak 1 meter bagi mematuhi SOP oleh pihak KKM.

Majlis tersebut dikelolai oleh JPS Negeri Johor selaku pelaksana projek. Bagi memberkati majlis penyerahan, bacaan doa disampaikan oleh wakil JPS Negeri Johor. Taklimat ringkas berkaitan, latar belakang, objektif pembinaan projek JES telah disampaikan oleh Pengarah PERHILITAN Negeri Johor. Seterusnya para hadirin dipersembahkan dengan tayangan montaj yang menunjukkan gambaran keadaan tapak sebelum, semasa dan selepas dibina oleh JPS Negeri Johor.

Setelah selesai taklimat ringkas dan tayangan montaj, YBhg Dato' Ir. Hj. Nor Hisham Bin Mohd Ghazali selaku Ketua Pengarah JPS Malaysia telah menyampaikan ucapan pembukaan kemudian diserikan pula dengan ucapan YBhg Abdul Kadir Bin Abu Hashim selaku Ketua Pengarah PERHILITAN Semenanjung Malaysia.

Majlis diteruskan dengan sesi menandatangani Sijil dan Penyerahan Projek Pembangunan Santuari Gajah Johor (JES), Kota Tinggi, Johor Untuk Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia. Replika kunci turut diserahkan oleh YBhg Dato' KP JPS kepada YBhg Dato' KP PERHILITAN Semenanjung Malaysia. Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati, sesi bergambar dan lawatan sekitar Santuari Gajah Johor (JES).





PERTANDINGAN HORIZON BARU KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (HB KIK) PERINGKAT JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN TAHUN 2020

OLEH : BAHAGIAN AUDIT PRESTASI

Pertandingan Horizon Baru Kumpulan Inovatif Dan Kreatif JPS 2020 lazimnya merupakan pertandingan yang diadakan setiap tahun bagi menghasilkan produk baru yang berinovatif dan kreatif. Pertandingan ini juga memberi peluang dan ruang kepada warga JPS untuk menyumbang idea serta mengetengahkan produk inovasi ciptaan sendiri. Seterusnya produk-produk inovasi ciptaan warga JPS yang bermanfaat kepada Jabatan/Perkhidmatan Awam dan produk-produk yang berpotensi akan diiktiraf dan dikomersialkan.

Sebanyak 20 kumpulan telah menyertai HB KIK pada tahun 2020 di JPS Ampang. Pelaksanaan HB KIK ini dilaksanakan dalam tempoh PKPP merujuk SOP MKN yang telah ditetapkan dalam norma baharu. Penilaian HB KIK 2020 telah dibuat secara dua (2) peringkat :-

- i. Sesi Pertama - Penilaian laporan oleh panel juri pada 10 hingga 12 Ogos 2020



- ii. Sesi Kedua - Pertandingan HB KIK secara pembentangan berkumpulan pada 8 hingga 9 September 2020

Majlis Perasmian Pertandingan HB KIK 2020 telah diadakan pada 8 September 2020 yang dirasmikan oleh Ir. Hj. Azmi bin Ibrahim, Pengarah Kanan JPS Malaysia.





MAJLIS CABUTAN UNDI BAGI KERJA-KERJA PEMULIHARAAN SUNGAI DI BAWAH PERUNTUKAN KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR (KASA)

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Pada 27 September 2020, Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah menghadiri Majlis Cabutan Undi Bagi Kerja-Kerja Pemuliharaan Sungai Di Bawah Peruntukan KASA di Dewan Jubli Perak, Majlis Perbandaran Kota Baru (MPKB).

KASA telah meluluskan peruntukan tambahan berjumlah RM66 juta untuk melaksanakan 802 projek pemuliharaan sungai bagi mengurangkan risiko banjir di seluruh negara. Projek-projek ini dijangka akan menangani dan mengurangkan impak kejadian banjir kepada rakyat melalui pelaksanaan projek pemuliharaan tebing sungai, naik taraf sistem saliran, kerja-kerja kecemasan sebelum dan selepas banjir.

Di Kota Bharu, Kelantan, 533 kontraktor kelas G1 telah hadir ke Majlis Cabutan Undi untuk 100 kerja undi bagi pemuliharaan sungai, alor dan kerja-kerja berkaitan yang ditawarkan bagi kawasan Jajahan Kota Bharu sahaja.

Cabutan undi telah disempurnakan oleh YB. Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air, diikuti dengan Pengurus dan Timbalan Pengurus Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Pengangkutan Dan Utiliti Negeri, Kelantan.







PROGRAM TEMUBUAL DI IKIM FM SEMPENA BULAN SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Pada 28 September 2020, Dato' Ir. Hj. Nor Hisham Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah menghadiri Program temubual di IKIM FM besempena Bulan Sambutan Hari Sungai Sedunia di bawah Program Analisis menerusi Slot Warna Pagi yang bersiaran setiap hari Isnin jam 8.30 pagi.



SUDUT INFO

27
SEPT.
2020

HARI SUNGAI SEDUNIA

Waterways in our community



TAKLIMAT KEPADA MEDIA MENGENAI KARIB DAN PRAB

OLEH : PRABN



Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB) merupakan satu inisiatif oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bertujuan untuk meningkatkan persediaan dalam pengurusan banjir. Kajian pelaksanaan Program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (Communication, Education and Public Awareness atau, CEPA) merupakan satu usaha bagi memastikan penduduk yang terdedah kepada bencana banjir mendapat kesedaran awal berkenaan sistem ramalan dan amaran banjir yang sedang dilaksanakan. Terdapat 4 kumpulan sasaran yang telah dikenalpasti untuk Program CEPA iaitu komuniti setempat, institusi Pendidikan, agensi kerajaan dan NGO. Dalam usaha meningkatkan komunikasi dengan semua kumpulan sasaran, sebuah kempen telah diwujudkan dan dinamakan Kempen Amaran dan Ramalan Inovatif Banjir (KARIB).

KARIB ialah program kempen Amaran dan Ramalan Informasi Banjir di bawah projek CEPA bagi tiga (3) lembangan sungai iaitu Sungai Kelantan, Sungai Terengganu dan Pahang. Projek CEPA telah bermula pada tahun 2019 manakala KARIB telah diperkenalkan pada tahun 2020 dengan beberapa aktiviti pengaktifan telah dimulakan. KARIB diwujudkan untuk memperkasa komuniti menerusi informasi dan pengetahuan terkini bagi menghadapi bencana banjir, dipacu oleh sistem PRAB. Walaupun PRAB dijangka boleh memberikan faedah yang besar kepada penduduk-penduduk yang terkesan oleh banjir monsun, kesedaran untuk bertindak lebih awal dan tanggungjawab penduduk dan komuniti masing-masing perlu dipertingkatkan lagi.

Dalam pelan jangka masa panjang, KARIB dijangka menjadi pemangkin untuk setiap individu berganding bahu untuk membuat perubahan yang positif di kalangan komuniti masing-masing, dibangunkan dari peringkat akar umbi.

Sesi taklimat awalan dan pengenalan rasmi kepada media mengenai Kempen Amaran & Ramalan Informasi Banjir (KARIB) dan Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) telah diadakan pada 8 September 2020 di JPS Ampang. Seramai 21 wartawan dari 19 saluran media utama dari Utusan Malaysia, Kosmo, Tamil Malar, TV3, Bernama Radio, NST, Harian Metro, China Press, STAR, Bernama, RTM, Berita Harian, The Star, Malaysia Namban, Makkal Osai dan Sinar Harian telah hadir ke sesi taklimat tersebut.

Tujuan taklimat media diadakan adalah untuk:

- Mengukuhkan pemahaman mengenai KARIB di kalangan media-media utama serta impak positif kepada komuniti-komuniti yang terkesan
- Membina kesedaran awal mengenai KARIB di seluruh negara sebagai asas untuk bersedia menghadapi musim hujan monsun
- Menjalinkan perhubungan yang baik antara JPS dan media-media utama melalui kerjasama dan sokongan yang kukuh.

Melalui taklimat media ini, pihak media diharap dapat menyampaikan mesej utama KARIB kepada komuniti iaitu mewujudkan kesedaran komuniti untuk bertindak lebih awal apabila berlakunya banjir, lebih-lebih lagi dalam situasi dimana Wabak Covid-19 masih menjadi ancaman.



SUDUT INFO

DULU



Ramalan banjir 1 hari
Amaran banjir 6 jam

KINI

Ramalan banjir 7 hari lebih awal
Amaran banjir 2 hari lebih awal



MANFAAT SISTEM PRAB

- Operasi pemindahan penduduk lebih cekap dan teratur
- Persiapan dan persediaan rapi mampu mengurangkan kerugian dan kerosakan harta benda



KEMPEN AMARAN & RAMALAN INFORMASI BANJIR

Untuk maklumat lanjut informasi
hujan dan aras air semasa, sila layari
<http://publicinfobanjir.water.gov.my>



JABATAN PENGAI'RAN
DAN SALIRAN MALAYSIA

PEMBENTANGAN LAPORAN PENILAIAN OUTCOME PROGRAM/ PROJEK PEMBANGUNAN JKPO JPS 2020

OLEH : BAHAGIAN AUDIT PRESTASI

Pembentangan Laporan Penilaian *Outcome* Program/Projek Pembangunan JKPO JPS 2020 telah diadakan pada 15 September 2020 di Dewan Dahlia, IPMI Zon Tengah. Pembentangan ini adalah program yang diadakan setiap tahun selaras dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012-Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome*. Pelaksanaan penilaian *outcome* ini adalah untuk mengukur pencapaian ke atas program/projek yang dilaksanakan oleh agensi sama ada mencapai *outcome* yang telah ditetapkan atau sebaliknya dengan menggunakan prinsip SMART (*Specific, Measureable, Achievable, Relevant, Timeliness*). Program yang diadakan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti program/projek yang mencapai *outcome* yang akan diketengahkan ke peringkat JKPO ICU, JPM Kementerian pada tahun hadapan. Pada awal tahun ini sebanyak lima (5) program/projek yang dicadangkan oleh Bahagian yang terlibat adalah seperti senarai di bawah:-



- ♦ **Bahagian Saliran Mesra Alam** - Kerja-kerja Pembinaan Sistem Saliran Mesra Alam, Di Kawasan Sekitar Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan, Fasa 1 (Pakej 2).
Nama Pembentang: Pn.Sharina Binti Sulaiman (JPS Selangor)
- ♦ **Bahagian Pengurusan Zon Pantai** - Projek Menaiktaraf Ban Pantai Lagun Setiu, Gong Batu, Setiu, Terengganu.
Nama Pembentang: Pn. Faten Adilah Binti Ahmad Shukri (JPS Terengganu)
- ♦ **Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai** - Rancangan Memulihkan Koridor Sungai (RMKS) Batang Sadong Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Pekan Simunjan, Lembangan Batang Sadong, Bahagian Samarahan, Sarawak.
Nama Pembentang: Ir. Sheela Charlene A/P Nadison (JPS Sarawak)

Dalam pembentangan tersebut, terdapat beberapa komen yang telah ditekankan oleh pihak juri antaranya adalah perbezaan antara kerangka strategik (*strategic framework*) dan kerangka keberhasilan (*results framework*), pemahaman kepada terma rujukan yang digunakan dalam *outcome*, pemakaian format pelaporan yang telah digariskan, pembuktian dan analisis data kepada pencapaian dengan menggunakan maklumat daripada sumber yang sahih.

Program yang dijalankan ini dapat memberikan pendedahan kepada para pegawai berkenaan dengan penyediaan laporan *outcome* yang sempurna dan juga memberi pendedahan kepada perjalanan dalam pembentangan laporan *outcome* untuk lain-lain program/projek yang telah disiapkan pada masa hadapan.

- ♦ **Bahagian Pengurusan Banjir** - Pembinaan Ban Pencegah Banjir dan Kerja-Kerja Berkaitan Dari Kg Pasir Kubu ke Kg Pasir Garam, Daerah Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan (Pakej 3).
Nama Pembentang: En. Masnizan bin Mustapha (JPS Perak)
- ♦ **Bahagian Pengurusan Maklumat** - Sistem Bank Data JPS Malaysia.
Nama Pembentang: Pn. Nur Murniwati Binti Abd Majid (BPM)



BENGKEL TAKLIMAT PROGRAM RAKAN KARIB INSTITUSI PENDIDIKAN

OLEH : PRABN



Bengkel Taklimat Program Rakan KARIB telah diadakan pada 10 September 2020 di Hotel Seri Malaysia, Terengganu. Program Rakan KARIB ialah program kempen dalam kajian pelaksanaan Program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (Communication, Education and Public Awareness atau, CEPA) yang dilaksanakan di 3 Lembangan Sungai Pahang, Sungai Kelantan dan Sungai Terengganu.

Sesi taklimat ini dihadiri oleh Ir. Dr. Salwa Binti Ramly dari Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) mewakili Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), wakil dari Kementerian Pendidikan Malaysia, Encik Kairil Anuar Bin Muhammad, wakil dari Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang, Terengganu, dan Kelantan. Bengkel ini turut dihadiri oleh Pengetua serta dua orang guru pengiring dari enam buah sekolah yang terpilih iaitu SMK Seberang Temerloh (Pahang), SMK Seri Bera (Pahang), SMK Matang (Terengganu), SMK Tengku Ampuan Intan (Terengganu), SMK Pahi (Kelantan) dan SMK Pengkalan Chepa (Kelantan).

Program Rakan KARIB ini akan dijalankan dengan menilai tahap pengetahuan, pengalaman dan motivasi peserta mengenai banjir dan pemuliharaan alam Sekitar. Maklumat penilaian ini kemudian akan digunakan untuk merangka program orientasi dan aktiviti bulanan. Perjumpaan bulanan akan diadakan bagi membincangkan perkembangan aktiviti yang dijalankan, cabaran yang dihadapi dan penambahbaikan aktiviti.

Tujuan pelaksanaan bengkel Rakan KARIB adalah untuk:

- Berkongsikan maklumat program Rakan KARIB bersama guru-guru wakil sekolah.
- Memaklumkan kandungan program kepada wakil sekolah, wakil Jabatan Pendidikan Negeri dan wakil Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Menjalankan simulasi program bersama pihak sekolah bagi meningkatkan pemahaman tentang cara pelaksanaan program.
- Mendapatkan maklum balas guru-guru terhadap pelaksanaan program.

Melalui bengkel taklimat program Rakan KARIB ini, pihak sekolah telah memberi kerjasama yang baik dan sangat berbesar hati untuk mengikuti program Rakan KARIB yang akan dijalankan di sekolah masing-masing memandangkan program CEPA ini memberi manfaat kepada semua pihak khususnya pelajar-pelajar sekolah.



KURSUS KESEDARAN DAN KURSUS JURUAUDIT DALAM SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR EMS ISO 14001:2015

OLEH : BAHAGIAN AUDIT PRESTASI



Kursus Kesedaran dan Kursus Juruaudit Dalam Sistem Pengurusan Alam Sekitar EMS ISO 14001:2015 telah diadakan pada 1 September 2020 hingga 3 September 2020 di IPMI Zon Tengah. Kursus ini adalah terbuka kepada juruaudit JPS sediaada yang ingin memperbaharui sijil dan kepada kakitangan JPS yang berminat untuk menjadi juruaudit dalaman ISO EMS 14001:2015.

Objektif kursus ini adalah untuk:

- Memberikan sesi mengulangkaji kefahaman berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) bagi versi EMS ISO 14001:2015;
- Memberikan pendedahan proses menjalankan pengauditan dan kemahiran yang diperlukan untuk pengauditan berkaitan SPK ini; dan
- Mentauliahkan peserta kursus untuk menjadi Juruaudit Dalaman Jabatan oleh itu Jabatan dapat menambah bilangan juruaudit sediaada dan juga untuk menggantikan juruaudit yang telah bersara.

Para peserta yang menghadiri kursus ini berkelayakan melaksanakan pengauditan di pejabat pensijilan JPS setelah disyorkan oleh Jawatankuasa Kawal Selia Sistem Pengurusan Standard (JKSSPS). Kursus yang diadakan ini diharap dapat memberi pendedahan kepada juruaudit dalaman untuk melaksanakan pengauditan yang lebih berkesan di pejabat pensijilan JPS. Disamping itu juga dapat memberi peluang kepada kakitangan JPS yang berminat untuk menjadi Juruaudit Dalaman Jabatan dan terlibat di dalam Sistem Pengurusan Standard (SPS) Jabatan.

TAKLIMAT SESI PENGENALAN SISTEM MYCUTI BELAJAR

OLEH : BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Taklimat Sesi Pengenalan Sistem MYCUTI BELAJAR telah diadakan pada 11 September 2020 di JPS Ampang. Taklimat ini disampaikan oleh Pn. Nursalbiah Bt Hamidun dari JKR Malaysia dan telah dihadiri oleh 30 orang peserta. Program ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan sistem baharu untuk pegawai yang cuti belajar. Sistem ini ialah salah satu inovasi pihak JKR bagi melancarkan prosidur permohonan dan pemantauan cuti belajar di Jabatan



TAKLIMAT KESEDARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI SEKTOR AWAM

OLEH : BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN


Taklimat Kesedaran Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Di Sektor Awam telah diadakan pada 30 September 2020 di JPS Ampang. Taklimat ini disampaikan oleh En. Jauhari bin Hamdan dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Perkerjaan (DOSH). dan telah dihadiri oleh 30 orang peserta. Program ini adalah bertujuan untuk memberi kefahaman dan kesedaran tentang keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor awam.



SELAMAT MENYAMBUT HARI MALAYSIA

16 SEPTEMBER 2020





PENGAKTIFAN MODE 4 PUSAT KAWALAN SMART

OLEH : PUSAT KAWALAN SMART

Pada 10 September 2020, seluruh Kuala Lumpur telah dilanda hujan lebat yang berlangsung selama 6 jam dan menyebabkan beberapa kawasan rendah dinaiki air. Kawasan rendah yang terjejas adalah sekitar Masjid Jamek dan beberapa kawasan lain. Hujan melebihi 100mm dan catatan tertinggi melebihi 200mm menyebabkan Terowong SMART mengaktifkan Mod 4 dan tiada kenderaan dibenarkan melalui terowong tersebut. Hujan lebat bermula sekitar jam 1:00 hingga 6:00 petang dengan 13 stesen hujan merekodkan bacaan melebihi 100 mm. Manakala sebuah stesen berasingan iaitu Gombak Simpang 3 telah merekodkan bacaan melebihi 200 mm. Kejadian hujan ini menyebabkan banjir sehingga kedalaman 0.9 meter di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Banjir kilat disebabkan hujan lebat berpanjangan (melebihi 3 jam) dan sistem saliran sedia ada tidak dapat menampung air larian permukaan yang banyak. Kebanyakan kawasan-kawasan yang dilanda banjir adalah di kedudukan yang rendah berbanding kawasan sekitar. Air hujan berlebihan turut mengakibatkan limpahan air dari Sungai Bunus di Jalan Tun Razak (berdekatan Perpustakaan Negara) dan Sungai Gombak di Jalan Tun Razak. Sistem kawalan banjir bandaraya Kuala Lumpur telah diaktifkan dan beroperasi sepenuhnya seperti berikut:

- i. Lencongan Keroh telah diaktifkan pada 2.25 petang;
- ii. Lencongan Gombak telah diaktifkan pada 2.22 petang;
- iii. Pusat Kawalan SMART telah mengambil tindakan dengan memulakan lencongan pada 2:50 petang dan mengaktifkan Mode 4 iaitu penutupan sepenuhnya terowong pada 4:40 petang.

Lebih 3 juta meter padu air telah dilencongkan dari Sungai Klang ke terowong SMART. Untuk rekod, pengaktifan Mode 4 Pusat Kawalan SMART adalah kali ketujuh sepanjang operasi bermula tahun 2007. 15 hektar kawasan berjaya diselamatkan daripada banjir di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur apabila 3 juta meter padu air dilencongkan pada mode ini. Sekiranya tiada terowong ini, Kuala Lumpur akan tenggelam seperti banjir besar pada tahun 1971 menyebabkan 32 orang mati dan 180,000 orang terkesan.



KRONOLOGI LANGKAH OPERASI BANJIR

- 1.00ptg : Hujan Lebat bermula
- 2.22ptg : Lencongan Gombak Diaktifkan
- 2.25ptg : Lencongan Keroh Diaktifkan
- 2.50ptg : Lencongan ke Kolam Takungan Kg. Berembang diaktifkan
- 4.40ptg : Mode 4 Terowong SMART diaktifkan untuk lencongan air banjir Kolam Berembang ke Kolam Takungan Taman Desa

BACAAN STESEN HUJAN JPS KL

Bil. Stesen	Kadar Hujan
1	Melebihi 200mm Stesen Gombak Simpang Tiga
13	Melebihi 100mm Stesen Sekitar Gombak dan Kuala Lumpur



ARAS SUNGAI

Sungai Gombak
Bacaan Aras Air
32.79m **31.00m** Aras Bahaya

Sungai Klang (Masjid Jamek)
Bacaan Aras Air
30.64m **30.00m** Aras Bahaya

Sungai Bunus (Jalan Tun Razak)
Bacaan Aras Air
36.60m **36.00m** Aras Bahaya

OPERASI BANJIR KUALA LUMPUR 10 SEPTEMBER 2020



ARAS BAHAYA


Aras Air Sungai Mula Melimpah Dan Akan Mengakibatkan Banjir

ARAS AMARAN

Aras Air Sungai Meningkat Dan Menghampiri Aras Banjir

ARAS WASPADA

Aras Air Sungai Mula Meningkat Dari Aras Normal Sungai



Kategori Keamatan Hujan (Dalam Satu Jam)

	Renyai	1 - 10mm
	Sederhana Lebat	11 - 30mm
	Lebat	30 - 60mm
	Sangat Lebat	melebihi 60mm

BACAAN HUJAN DAN ARAS SUNGAI SEMASA

[f @publicinfobanjir](https://www.facebook.com/publicinfobanjir)



<http://publicinfobanjir.water.gov.my>

jpsmalaysia

did_malaysia



www.water.gov.my

KUNJUNGAN ISKANDAR REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY (IRDA) KE PUSAT KAWALAN SMART

OLEH : PUSAT OPERASI SMART



Pada 23 September 2020, Iskandar Regional Development Authority (IRDA) telah mengunjungi ke Pusat Kawalan SMART. Kunjungan hormat dan lawatan teknikal ini merupakan sebahagian daripada proses 'benchmarking' oleh pihak IRDA bagi mempelajari mekanisma pelaksanaan dalam kesiapsiagaan menangani banjir dengan memanfaat teknologi inovatif, sistem komprehensif serta pengalaman dalam melaksana dan mengurus operasi air banjir SMART. Lawatan IRDA dihadiri seramai 8 orang dan diketuai oleh Pn Maimunah Jaffar dan telah di sambut baik oleh Tuan Haji Zainalfikry bin Hj Daud, Pengarah Pusat Operasi Pusat Kawalan SMART. Di akhir lawatan ini pihak IRDA dan pihak pengurusan SMART bertukar-tukar pengalaman tentang program pembangunan dan pencapaian IRDA terutama dalam pengurusan dan pembangunan tanah dan wilayah.

LAWATAN PENANDA ARAS EKSA OLEH KPM KE PUSAT OPERASI SMART

OLEH : PUSAT OPERASI SMART



KUNJUNGAN HORMAT PUSAT KAWALAN SMART KE PLANMALAYSIA

OLEH : PUSAT OPERASI SMART

Pada 5 Oktober 2020, Pusat Operasi SMART telah mengunjungi Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan PLAN Malaysia Putrajaya. Kunjungan hormat dan perbincangan teknikal ini yang disambut oleh TPr. Dr. Chee Ping Ngang dan pegawai-pegawai daripada Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia. Ini merupakan sebahagian daripada aktiviti Pusat Kawalan SMART bagi merapatkan hubungan antara agensi dan seterusnya untuk mendapatkan penerangan tentang penyediaan garispanduan Pemberiaan Tanah Bawah Tanah (Stratum) yang sedang disediakan oleh PLANMalaysia. Pengarah Operasi SMART menerangkan isu-isu terkini tentang hakmilik stratum ini seperti pertindihan laluan dengan MRT di Taman Desa, pemberian hakmilik tanah oleh kerajaan kepada pihak lain di atas terowong SMART dan pembinaan di atas kawasan *Protection Zone (PZ)* SMART. Pihak PLANMalaysia berterima kasih di atas perkongsian isu sebenar oleh pihak SMART dan akan meneruskan usaha untuk menyiapkan dan mewartakan Rang Undang-Undang Stratum dalam masa terdekat



Pada 23 September 2020, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia yang diketuai oleh Encik Mohamad Ridwan bin Abas telah mengadakan lawatan ke Pusat Kawalan SMART bagi tujuan penanda aras Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Lawatan tersebut menjadi medium untuk bertukar-tukar pandangan serta pengalaman kedua-dua pejabat dalam amalan budaya EKSA. Pelawat didedahkan dengan amalan EKSA di SMART, kaedah pelaksanaan dan cabaran-cabaran yang dihadapi. Pihak BPSM, KPM berpuas hati dengan penerangan yang diberi dan akan melaksanakan beberapa aktiviti yang dipelajari di pejabat mereka.

INTEGRITY CORNER

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA



JABATAN PENGAIRAN
DAN SALIRAN MALAYSIA

Bil: September/2020

DADAH PEROSAK NEGARA!

MENYALAHGUNAKAN ATAU MENAGIH
DADAH BOLEH DIBUANG KERJA ATAU
DITAMATKAN PERKHIDMATAN DEMI
KEPENTINGAN AWAM

[PERATURAN 7, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI
AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993]



Sebarang pertanyaan, aduan atau maklumat boleh disalurkan kepada:

UNIT INTEGRITI JPS
Tel : 03-2615 1793 / 1794
Emel: uijps@water.gov.my

“Warga Berintegriti, Organisasi Berkualiti”



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, MALAYSIA

JPS UPDATES

EDISI SEPTEMBER 2020

WWW.WATER.GOV.MY

